

# INSAFLAH....! JIKA MAU INSAF

## BAKTI DAN SOPAN SANTUN KEPADA IBU BAPA

Melihat kepada pengaruh-pengaruh adat dan kebudayaan Barat ke dalam pergaulan dan perhimpunan kita orang-orang Islam di negeri ini yang telah meracuni kedudukan dan masyarakat kita sehingga setengah-setengah mereka itu telah menjadi biadap – mengikut segi dan pandangan Islam – maka sudah pada tempatnya menurut pendapat saya, mustahak benar supaya tertib dan kesopanan Islam itu diterangkan dan dihalusi untuk menjadi perhatian dan pandangan supaya mereka yang telah terpengaruh kepada Barat itu dapat berfikir dengan tenang dan halus mengetahui bagaimana pengajaran-pengajaran Islam itu menjadikan mereka, dengan diutuskan Muhammad (SAW) kepada mereka itu, orang-orang yang berbudi pekerti, berperangai sopan santun, tau harga diri dan pandai menghargakan orang lain – tidak terkinja-kinja dan teraku-aku atas kelebihan diri sendiri – dengan tidak mengikut kata pepatah ikutlah akan ilmupadi kayaan berisi, kayaan runduk.

## TAULADAN YANG BAIK

(oleh Ahmad Zulfi)

Agama Islam menyusun di dalam peraturan hidup manusia hendaklah menentukan ketakrifannya – yang pertama kepada Tuhannya, yang kedua kepada Nabinya dan yang ketiga kepada ibu bapa: Dan yang ketiga inilah saya akan mulai menulis makalah ini untuk pembaca-pembaca mudah-mudahan ada faedah dan manfaatnya terutamanya ke atas belia-belia kita yang kemudian nanti akan menjadi orang-orang tua – iaitu perkara yang tak dapat di mungkir keadaannya.

Jika diperhatikan di dalam lingkungan masyarakat kita hari ini maka kita dapati, telah banyak daripada belia-belia kita yang memandang bahawa kedua-dua ibu bapanya itu bodoh, penghalang kemajuan, taksab dan sebagainya bahkan ada yang berpendapat adanya ayah dan bondanya itu ialah sebagai penghalang kepada gerak gerinya dan penghalang kepada kemajuan bangsa kononnya – sehingga telah pernah saya mendengar di dalam perjumpaan-perjumpaan umum ada belia-belia yang telah menayakan kalau ayahnya menegah ini dan itu haruskah di ingkari atau sebagainya yang menunjukkan bahawa

pengaruh kebudayaan luar telah menyerap ke dalam hati mereka itu sehingga di tengah-tengah khalayak di hadapan orang ramai ia mencela kedudukan dan taraf ayahanda bondanya.

Di dalam susunan suatu ayat Al-Quran surah al-Israa' ayat 23 ada berbunyi maksudnya: “Tuhanmu memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain daripadanya dan (ia telah mewajibkan) kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa kamu. Jika seseorang di antara keduanya telah tua atau kedua-duanya telah tua janganlah engkau mengeluarkan perkataan yang kasar kepada keduanya dan janganlah engkau herdik, hendaklah engkau ucapkan perkataan yang mulia (lemah lembut) kepada mereka itu.”

Daripada ini menunjukkan bahawa tiap-tiap seorang sesudah ia menyembah Allah Subhanahu wa Taala maka diwajibkan kepadanya berbuat baik kepada ibu bapanya sebab-sebabnya tak payah difikirkan oleh kerana jasa kedua-dua ibu bapa itu terlampau banyak kepada kita – mereka berpenat lelah memelihara kita, bersusah payah menjaga kita, tak tidur malam kerana kita, berhujan berpanas mencari kerana kita, mereka berbimbang tangis pada masa kesakitan kita dan dengan sebab itu telah pada tempatnya patut dan wajib kita berbuat baik kepada

mereka itu dengan menggunakan perkataan yang baik, kelakuan yang baik, perangai yang baik bahkan dengan apa juga usaha yang di namakan baik sebab kita mesti mengingati mereka tak tidur kalau nampak nyamuk seekor menggigit mereka. Matanya ditongkatkan untuk mengawal kita takut-takut kita dalam masa tidur terperanjat dan adakah segala bakti dan jasa mereka dibalas dengan nista dan hamun: Dipandang sebagai “Quran buruk” yang dikatakan mereka dibuang payah, disimpan tak berfaedah atau orang tua yang peleter dan sebagainya.

Tidak dinafikan ibu bapa itu apa kala telah tua lazim melakukan beberapa kelakuan yang dipandang oleh anak-anaknya cerewet: Suka memberi nasihat panjang, kerap kali memberi ingat berulang-ulang: mengambil tau pergi dan baliknya anak, pergaulan anak, terkadang-kadang suka marah dan lain-lain perangai yang kerap kali menyebabkan anak-anak yang bodoh itu melanggar tertib dan kesopanan. Kerana itu wajib kita menjaga diri jangan sampai menerbitkan suatu perangai yang kurang baik atau mengeluarkan perkataan yang terlanjur dan yang kurang manis kepada ibu bapa bahkan pula maki hamun dan nista kepada mereka itu.

Allah telah berfirman maksudnya: “Dan hendaklah engkau merendahkan diri kepada ibu bapa dengan kasih sayang” (Al-Quran surah al-Israa’ ayat 24)

Perintah-perintah itu sudah tentu ditujukan oleh kerana telah menjadi tabiat kepada tiap-tiap ibu bapa yang ia memelihara kita dengan menanggung beberapa sengsara itu bukanlah kerana terpaksa, tidak merasa jemu tetapi mereka dengan suka dan girang, dengan cinta dan kasih sayang memelihara kita. Dengan kerana itu mestilah kita melayan dan hendaklah kita sopan santun serta merendah diri kepada ibu bapa kita, seberapa boleh, dengan kasih sayang yang sebenar tidak dengan terpaksa. Menyenangkan itu dengan perkataan, dengan kelakuan dan perangai yang baik, dan jangan sekali-kali membuat perangai dan kelakuan yang boleh menyebabkan mereka itu murka dan

benci ke atas kita.

Nabi Muhammad (SAW) bersabda maksudnya: “Barang siapa menyukakan ibu bapanya sesungguhnya bermakna ia menyukakan Allah : dan barang siapa membuat ibu bapanya marah sesungguhnya bermakna ia membuat Allah marah” hadith riwayat Bukhari.

Rasulullah (SAW) bersabda lagi maksudnya: “Dua (kejahatan) akan dibalas Allah di dalam dunia: (iaitu) zina dan derhaka kepada ibu bapa” – hadith riwayat Tabrani.

Rasulullah (SAW) bersabda lagi maksudnya: “Sebesar-besar dosa besar ialah menyekutukan Allah, membunuh manusia, derhaka kepada ibu bapa, menjadi saksi palsu” hadith riwayat Bukhari.

Daripada ayat-ayat yang tersebut di atas ini adalah nyata kepada kita bahawa berat sungguh tanggungan dan kewajipan kita kepada ibu bapa kita dan dengan kerana itu adalah menjadi suatu perkara yang sangat di cela dan berdosa besar bagi seseorang yang ingkar kepada perintah-perintah kepada dua ibu bapa, tidak hormat kepada ibu bapa dan seterusnya sebagaimana yang kerap kali dilakukan oleh kita, terutamanya yang telah ada berpelajaran Barat memandang mereka itu sebagai penghalang kepada kemajuan-kemajuan bahkan ada pula, dengan kerana mengikut perasaan-perasaan hatinya, kalau umpamanya ibu bapanya menegah anaknya campur dalam sandiwara kerana kebangsaan lalu diingkarinya pada hal perkara perintah daripada ayat dan benda yang boleh diingkarinya yang diluluskan oleh agama, hanyalah tentang menyekutukan Allah Subhanahu wa Taala atau pun memaksa supaya ia kufur. Selain daripada ini seseorang itu tidak sekali-kali diluluskan melanggar tegahan daripada kedua-dua ibu bapanya terutama tegahan-tegahan yang diberinya itu berujuk kepada kebaikan dan kesejahteraan pada masa yang akan datang.

Dengan kerana itu wajiblah kita beringat tentang kedudukan kita tatkala berhadapan dengan ibu bapa kita. Jika ada sesuatu yang kita tidak berkenan atas tegurannya

(sambungan pada muka 29)



*Lagi suatu pemandangan di kebun istana "Al-Qasr"  
di Ishbilah Spain. Tempat ini masyhur hingga sekarang tetapi  
kebesarannya di tinggal di dalam ingatan jua.*

---

*radatnahu as'jala safilin \*illa llazima amanu wa 'amilus  
solihati : surah at-Tin 5-6).*

Jadi nyatalah pada ketiga-tiga perhubungan ini kewajipan yang ditanggungkan di atas manusia ialah mesti menyempurnakan suruh larangan Tuhan sebagaimana yang sedia termetera di dalam tabiat diri tiap-tiap seorang yang siuman akalunya, dapat mengenal baik daripada jahat : dan sebagaimana yang telah dibawakan dalam agama Islam oleh Rasulnya SAW yang telah mencontohkan pula akan ajaran-ajaran itu di dalam cara kehidupannya sendiri, bahawasanya

dengan itulah sahaja manusia boleh mendapat keperangan yang mulia dan martabat yang mulia dengan sebenar-benarnya seperti yang dimaksudkan dalam tujuan kejadiannya dari sediakala; dan dengan jalan berbuat demikianlah sahaja ia akan boleh dapat menguasai segala makhluk Tuhan yang lain-lain dan menetapkan keamanan dunia dengan sebenar-benarnya. Ada pun jika tiada di hiraukannya ajaran-ajaran baik jahat yang ditanggungkan ke atasnya itu maka ia boleh turun jatuh kepada serendah-rendah yang jatuh, bahkan terkebawah daripada binatang walaupun ia tinggi pelajaran, gagah perkasa dengan alat peperangan, kaya raya memerintah dunia, dan ada segala kelebihan madi (kebendaan) yang lain-lain.

Pendeknya barang sebanyak mana yang disempurnakan oleh seseorang dan oleh sesuatu bangsa daripada kehendak-kehendak yang ditanggungkan di atasnya oleh agama Islam dalam tiap-tiap satu perhubungan yang tiga ini, maka sebanyak itulah pula akan sempurnanya sifat-sifat kemuliaan akhlak pada diri orang dan bangsa yang mengerjakannya itu, dan sebanyak itulah pula kejayaannya dalam kehidupan dunia dan akhirat. Akhirnya, sekali lagi disebut oleh sebab tersangat pentingnya : bahawa sebagaimana pada diri satu-satu orang maka begitulah pula pada kumpulan satu-satu bangsa atau umat yang terjadi daripada perhimpunan diri satu-satu orang itu.

Dengan ini tamatlah bacaan kita berkenaan dengan kemuliaan perangai. Mudah-mudahan pada kali yang lain dapat pula diberi sedikit-sedikit pandangan berkenaan dengan salah satu kewajipan yang bermacam-macam yang tertanggung di atas kita sekalian itu.

---

(sambungan dari muka 14)

maka hendaklah kita mendiamkan diri sahaja dengan tidak menunjukkan segala kelakuan dan perangai yang boleh merosakkan hati dan perasaan. Pendek kata serapa yang terupaya janganlah sekali-kali kita menerbitkan sesuatu yang mengecilkan hati dan menghidupkan kemarahan mereka. (dalam bilangan yang akan datang insyaallah akan dinyatakan tertib dan sopan kepada ibu).